

Malaysia tidak boleh beri suaka politik kepada Misuari

UM 25 DEC 2001

KUALA LUMPUR 24 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia tidak boleh memberi suaka politik kepada Nur Misuari kerana pemimpin Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) itu terbabit dengan kejadian keganasan dan menjadikan orang awam sebagai tebusan di Filipina.

Oleh itu Perdana Menteri menegaskan kerajaan sedang bekerjasama dengan Filipina bagi menyegerakan penghantaran balik bekas Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARMM) itu ke negaranya.

“Kita tidak boleh memberi suaka politik sebab dia terbabit dengan serangan ganas dan menahan orang awam sebagai tebusan.

“Kita telah memutuskan bahawa mereka yang melakukan keganasan di negara sendiri dan menggunakan rakyat biasa sebagai tebusan tidak akan diberikan suaka,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Galeri Tun Ismail Mohamed Ali di Plaza Permodalan Nasional Berhad (PNB) di sini hari ini.

Jelas beliau, penghantaran balik Misuari mungkin akan dibuat bulan depan memandangkan Filipina yang mempunyai majoriti rakyat, beragama Kristian sedang menyambut perayaan Krismas.

“Kita juga berharap Filipina akan menerima beliau (Misuari) secepat mungkin sebab kita tidak boleh menahannya begitu lama,” katanya.

Dr. Mahathir mengulas permohonan oleh peguam Misuari menerusi sepucuk surat kepada beliau pada 18 Disember lalu, meminta suaka politik sementara kepada pemimpin MNLF itu.

Pemberontakan

Misuari yang menghadapi tuduhan pemberontakan di Manila, ditahan oleh pihak berkuasa Malaysia bersama enam pengikutnya kerana memasuki negara ini secara haram melalui perairan Sabah pada 24 November lalu selepas melancarkan pemberontakan yang gagal di selatan Filipina.

Tarikh penahanan Misuari di negara ini melewati sebulan hari ini.

Mengulas permintaan ahli keluarga Misuari supaya kerajaan membenarkan mereka bertemu dengan Misuari selain beliau hanya disabitkan kesalahan memasuki negara ini secara haram, Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan mempertimbangkannya.

“Kita akan membuat pertimbangan,” katanya.